

LAMPIRAN 1



TIX2020 PENGANTAR
SOSIOLINGUISTIK

SEMESTER 1, 2022/2023

NAMA & NO MATRIKS	1) SYAFIQAH BINTI MOHD YUSOF (U2103705)
	2) NABIHAH BINTI BADLISAM (U2103709)
	3) MUHAMMAD NUR AIDIL ADHA BIN MAHAD (U2103729)
	4) NUR AMIR BIN AZMAN (U2103862)
	5) SITI NURSYAQIRA BINTI MOHD HASRUL NIZAM (U2103863)
NAMA PENSYARAH TUTORIAL	EN. TAN KEN SIANG
KUMPULAN TUTORIAL	1

TAJUK : KESAN BURUK PENGGUNAAN MANGGLISH TERHADAP BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

Isi Kandungan

BIL.	ISI KANDUNGAN	M/S
1.0	Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
2.0	Objektif Kajian	1
3.0	Latar Belakang Teoretis	2
4.0	Pelaksanaan/Metodologi kajian	2
	4.1 Kriteria Pemilihan Data	2
	4.2 Proses Pengumpulan Data	2-3
	4.3 Kaedah Menganalisa Data	3
	4.4 Pemilihan Jenis Sulam	3-4
	4.5 Reka Bentuk Kajian	4
	4.5.1 Soal Selidik	4
	4.5.2 Temu Bual	4
	4.6 Teori/Konsep	4-5
5.0	Pencapaian/Impak	5-10
6.0	Refleksi	10
7.0	Kesimpulan	10-11
8.0	Rujukan	12

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa bukan sahaja perantaraan yang menghubungkan seseorang ketika berkomunikasi. Bahasa juga turut menjadi lambang dan identiti sesebuah masyarakat dan bangsa. Namun begitu, percampuran kod merupakan fenomena yang telah menjadi kebiasaan kepada penduduk negara sejak dahulu lagi. (Paramasivam Muthusamy, 2005) menyatakan bahawa fenomena peralihan kod terjadi dalam masyarakat yang penuturnya mempunyai lebih daripada satu bahasa seperti penduduk Negara Malaysia. Hal ini dapat dilihat dalam diri individu ketika mereka berkomunikasi.

Walaupun penggunaan penuh bahasa Melayu wajar diamalkan ketika berkomunikasi, namun perkara ini dianggap remeh dan sering diabaikan oleh masyarakat. Gejala percampuran kod merupakan satu ciri yang sangat lazim dalam pertuturan penduduk Negara Malaysia dari semua suku kaum dan melibatkan semua peringkat sosial (Asmah Hj Omar, 2007). Ini sering terjadi khususnya dalam kelompok masyarakat pelajar yang multilingual. Percampuran kod dalam bahasa Melayu dan Inggeris semakin berleluasa digunakan oleh pelajar ketika berkomunikasi.

Tajuk bagi projek SULAM yang pengkaji jalankan ialah "Language Experiment". Projek ini dijalankan kerana terdapat isu di mana masyarakat menggunakan percampuran kod bahasa Melayu dan Inggeris dalam perbualan harian sehingga menyebabkan mereka tidak boleh berbahasa baku sepenuhnya dan menggunakan istilah yang salah dalam bahasa Melayu. Hal ini dapat diukur daripada hasil dapatan *google form* yang pengkaji edarkan sebelum projek ini dijalankan. Di dalam projek ini, pengkaji hanya memfokuskan kesan buruk penggunaan Manglish terhadap bahasa Melayu. Hal ini kerana tujuan projek ini adalah bagi memartabatkan bahasa Melayu yang telah dicampurkan antara bahasa Melayu dan Inggeris dalam kalangan pelajar. Masyarakat sasaran bagi projek pengkaji ialah pelajar kaum Melayu di Fakulti Bahasa dan Linguistik.

Signifikan kajian ini adalah untuk mengetahui pemahaman tentang Manglish yang digunakan oleh pelajar serta impaknya terhadap bahasa Melayu.

2.0 Objektif Kajian

Projek ini bertujuan untuk:

1. Mengkaji penggunaan dan pemahaman Manglish oleh pelajar kaum melayu di Fakulti Bahasa dan Linguistik.
2. Meneliti kesan buruk penggunaan Manglish terhadap bahasa Melayu.

3.0 Latar Belakang Teoretis

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan dari topik Pilihan Bahasa dalam Komuniti Multilingua. Pilihan bahasa adalah apabila penutur memilih bahasa atau kod yang hendak digunakan dalam situasi atau konteks tertentu dalam dwibahasa atau pelbagai bahasa. Menurut Fasold (1984), pemilihan bahasa merupakan fenomena penggunaan bahasa dalam suatu masyarakat dwibahasa mahupun multibahasa. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa konsep pilihan bahasa ini adalah kombinasi antara komuniti yang dwibahasa atau multibahasa dengan bahasa yang dipilih untuk digunakan oleh mereka.

Pengkaji telah mengaitkan teori dengan percampuran kod bahasa Melayu dan Inggeris kerana komuniti memilih Manglish sebagai bahasa untuk berinteraksi. Penggunaan Manglish berlaku apabila terdapat faktor sosial diantara penutur dan pendengar. Antaranya ialah topik yang diperbahaskan, tempat dan fungsi. Sebagai contoh, komuniti menggunakan Manglish apabila bertutur dengan rakan-rakan dan membincangkan perkara yang tidak formal. Dalam dimensi sosial pula terdapat tahap untuk mengukur sejauh mana Manglish itu boleh digunakan. Apabila solidariti tinggi, maka situasi itu menjadi tidak formal. Oleh itu, komuniti memilih Manglish sebagai bahasa untuk berinteraksi apabila berada dalam situasi tidak formal.

4.0 Pelaksanaan/Methodologi

4.1 Kriteria Pemilihan Data

Kriteria pemilihan data dilihat dari segi kekerapan penggunaan Manglish untuk berinteraksi dalam kalangan pelajar Melayu di Fakulti Bahasa dan Linguistik. Pengkaji melakukan pemerhatian awal dengan melaksanakan satu temu bual dengan salah seorang daripada pelajar Fakulti Bahasa dan Linguistik jurusan Inggeris. Setelah mendapat maklumat daripada pelajar, pengkaji menyediakan *google form* untuk melihat perbezaan pendapat daripada pelajar jurusan lain. Kepelbagaian pendapat dapat memberikan data yang meluas kepada pengkaji kerana penggunaan manglish dalam kehidupan harian mereka adalah berbeza. Pengkaji juga memastikan bahawa semua peserta kajian merangkumi jantina yang berbeza kerana jantina juga dapat mempengaruhi penggunaan dalam aspek bahasa.

4.2 Proses Pengumpulan Data

Langkah-langkah yang telah diambil oleh pengkaji dalam meneliti kesan buruk penggunaan Manglish ialah:

1. Mencari segala maklumat yang berkaitan dengan Manglish di Internet mahupun menemu ramah pelajar dan membuat andaian awal bahawa Manglish boleh memberi kesan yang buruk kepada bahasa Melayu.

2. Pengkaji menyediakan *google form* dan menyebarkannya di aplikasi *Whatsapp* untuk mendapatkan maklumat awal.
3. Pengkaji membuat projek *Language Experiment* dengan memilih responden secara rawak untuk ditanyakan beberapa soalan berkaitan dengan Manglish.
4. Pengkaji menyediakan lima perkataan bahasa Inggeris yang lazimnya digunakan oleh pelajar ketika berkomunikasi untuk menterjemahkannya dalam bahasa Melayu.

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
Screenshot	Tangkap Layer/Skrin
Due Date	Tarikh Tamat Tempoh
Tag	Penanda
Edit	Sunting
Talkshow	Rancangan Bual Bicara

5. Pengkaji mengumpulkan maklumat yang telah diperoleh dalam satu fail.

4.3 Kaedah Menganalisis Data

Pengkaji memulakan pencarian maklumat dengan menganalisis perkataan-perkataan yang lazim digunakan oleh masyarakat. Perkataan yang diambil adalah berdasarkan penggunaan masyarakat sekeliling akan tetapi perkataan itu jarang digunakan dalam bahasa Melayu. Selain itu, data yang diambil tentang kekerapan penggunaan Manglish pelajar adalah melalui *google form* yang telah disediakan lalu pengkaji meneliti setiap jawapan yang diberikan. Kesemua daripada responden menggunakan Manglish untuk berkomunikasi. Seterusnya, pengkaji telah melaksanakan projek *Language Experiment* untuk dijadikan bahan kajian. Pengkaji memilih responden dari Fakulti Bahasa dan Linguistik secara rawak lalu menganalisis setiap jawapan responden melalui pengetahuan pelajar tentang Manglish dan jawapan pelajar yang betul. Selain itu, data-data yang berkaitan dengan responden akan dibentangkan dalam rajah diagram (carta pie). Data-data yang dikumpul kemudiannya diasingkan mengikut peratusan terhadap kekerapan penggunaan manglish dan juga peratusan terhadap kesan penggunaan manglish terhadap bahasa melayu daripada responden.

4.4 Pemilihan Jenis Sulam

Pengkaji menggunakan jenis SULAM Advokasi dan SULAM berasaskan penyelidikan. Pemilihan SULAM jenis advokasi ini adalah dengan cara memberi kesedaran kepada masyarakat iaitu dengan menyebarkan poster Infografik kepada pelajar Fakulti Bahasa dan Linguistik. Bagi SULAM berasaskan penyelidikan pula, pengkaji menjalankan "language

experiment” dan menyediakan *google form* untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting berkaitan dengan Manglish. Pemilihan SULAM jenis ini sesuai dengan kajian yang dijalankan.

4.5 Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji menjalankan soal selidik, temu bual dan pemerhatian terhadap golongan sasaran.

4.5.1 Soal Selidik

Pengkaji menyediakan borang soal selidik berdasarkan objektif kajian iaitu mengkaji penggunaan Manglish terhadap kaum Melayu di Fakulti Bahasa dan Linguistik. Borang soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian. Bahagian A berkenaan dengan data demografi responden yang terdiri daripada nama, umur, jantina dan jurusan mereka. Manakala bahagian B pula soalan-soalan berkaitan isu yang dikaji iaitu kefahaman tentang percampuran kod, kekerapan penggunaan Manglish, tahap penguasaan tatabahasa dalam bahasa Melayu dan pandangan tentang kesan penggunaan Manglish terhadap bahasa Melayu.

4.5.2 Temubual

Selain itu, pengkaji juga telah menjalankan sesi temubual bersama pelajar kaum Melayu di Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kaedah temubual ini dijalankan untuk memperolehi maklumat tentang pendapat dan penggunaan responden terhadap Manglish dalam kehidupan seharian mereka. Dalam sesi temubual tersebut, pengkaji juga menyediakan satu aktiviti di mana responden perlu menterjemahkan perkataan bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia yang bertujuan mengkaji adakah penggunaan Manglish sememangnya memberi kesan kepada bahasa Malaysia. Perkataan “talk show”, “screenshot” dan “tag” merupakan sebahagian perkataan yang disoal kepada responden. Kesukaran dan kesalahan responden memberi jawapan dapat dihubungkan dengan kesan negatif penggunaan Manglish terhadap Bahasa Melayu dari segi perbendaharaan kata.


4.6 Teori/Konsep

Teori yang digunakan dalam kajian pengkaji ialah pemilihan bahasa dalam Multilingual iaitu percampuran kod. Salah satu contoh percampuran kod ialah Manglish iaitu campuran daripada bahasa Melayu dan Inggeris. Kajian ini menerapkan teori ini dalam penyelidikan kerana kesemua daripada masyarakat menggunakan Manglish sebagai bahasa harian disebabkan oleh situasi, sosial dan formaliti. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui dengan lebih mendalam samada percampuran kod antara bahasa Melayu dan Inggeris akan memberi kesan yang buruk atau tidak kepada bahasa Melayu. Hal ini kerana apabila berada dalam

situasi yang tidak formal, penggunaan bahasa Melayu jarang digunakan sehingga masyarakat boleh lupa makna perkataan dalam bahasa Melayu.


5.0 Pencapaian/Impak

Sebelum melakukan penyelidikan tentang penggunaan Manglish secara bersemuka, pengkaji telah menyebarkan *google form* berkaitan dengan pendapat pelajar kaum Melayu di Fakulti Bahasa dan Linguistik tentang Manglish dalam aplikasi *Whatsapp*.



Rajah 1 : Tangkapan Layar daripada Aplikasi *Whatsapp*

Pengkaji menyebarkan link *google form* di aplikasi *Whatsapp* di dalam *group* dan secara individu. Rajah di atas merupakan bukti sampingan bahawa pengkaji telah mengumpul maklum balas daripada responden.



Rajah 2 : Jantina

Hasil daripada maklum balas pelajar lelaki adalah sebanyak 5 orang (19%) dan perempuan sebanyak 21 orang (81%).



Rajah 3 : Jabatan Bahasa


Kebanyakan daripada pelajar yang memberi maklum balas adalah dalam kalangan Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Jabatan Bahasa Arab dan yang paling sedikit adalah daripada Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Jabatan Bahasa Tamil.



Rajah 4 : Kefahaman tentang Percampuran Kod

Kesemua pelajar daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik mengetahui dan memahami maksud percampuran kod iaitu Manglish.


Adakah anda menggunakan kod percampuran Manglish dalam kehidupan seharian anda?
26 responses



Rajah 5 : Penggunaan Manglish

Daripada maklum balas yang telah diterima, hanya seorang sahaja yang tidak menggunakan Manglish dalam kehidupan seharian manakala selebihnya semua menggunakan Manglish untuk berinteraksi.


Bilakah anda menggunakan percampuran kod Manglish dalam bahasa?
26 responses



Rajah 6 : Masa Penggunaan Manglish

Kebanyakan daripada responden menggunakan Manglish ketika berbual dengan rakan kerana berada di situasi yang tidak formal. Walaupun begitu, responden masih menggunakan Manglish ketika berbual dengan pensyarah/guru mereka walaupun dalam situasi formal.

Berapakah tahap penguasaan tatabahasa anda dalam Bahasa Melayu?




Rajah 7 : Tahap Penguasaan Tatabahasa dalam Bahasa Melayu

Walaupun responden menggunakan Manglish dalam perbualan harian akan tetapi rekod mereka dalam penguasaan tatabahasa Melayu adalah tinggi.

Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan Manglish akan menjejaskan Bahasa Melayu?

Mengapa?

26 responses



Rajah 8 : Persetujuan Manglish akan Menjejaskan Bahasa Melayu

Terdapat 6 orang mengatakan bahawa mereka tidak bersetuju Manglish akan menjejaskan bahasa Melayu kerana terdapat responden yang berpendapat bahawa penggunaan sesebuah bahasa dapat mengukuhkan kefahaman terhadap bahasa tersebut kerana latihan menjurus kepada penambahbaikan dalam sesebuah kemahiran atau bidang ilmu yang dipraktikkan malah akan memberi kesan kepada Bahasa Inggeris kerana penggunaan bahasa Melayu yang lebih banyak dalam Manglish. Sebanyak 20 orang bersetuju bahawa Manglish akan

menjejaskan Bahasa Melayu kerana percampuran kod Manglish menyebabkan penguasaan menyeluruh terhadap Bahasa Melayu akan berkurang kerana tidak sedar tentang kepentingan asas Bahasa Melayu sebagai contoh tatabahasa dan kosa kata.

Ramai dalam kalangan pelajar kaum Melayu dari Fakulti Bahasa dan Linguistik menggunakan Manglish dalam perbualan harian. Akan tetapi, Manglish telah memberi kesan yang negatif terhadap bahasa Melayu terutama kepada kaum Melayu yang menetap di Malaysia. Pengkaji telah menyelidik beberapa orang responden untuk dijadikan sebagai bahan kajian dan pengkaji telah memberikan beberapa soalan untuk menguji pengetahuan mereka dalam bahasa Melayu.

Disebabkan oleh ramai responden yang tidak berjaya menjawab kesemua soalan yang diajukan, maka pengkaji telah memberikan poster infografik dalam bentuk pdf kepada mereka sebagai bahan bacaan (Lampiran 1). Poster infografik tersebut menekankan tentang kesan-kesan Manglish terhadap Bahasa Melayu dan cara-cara memartabatkan Bahasa Melayu supaya tidak berlakunya pertindihan diantara dua bahasa. Selain itu, pengkaji juga telah memberikan penerangan yang lebih lanjut mengenai kesan Manglish terhadap bahasa Melayu dan ramai daripada responden tersedar bahawa Manglish boleh membuatkan mereka tidak mengetahui kosa kata dalam Bahasa Melayu.

Pencapaian yang pengkaji dapat ialah pengkaji dapat menyedarkan orang ramai tentang kesan Manglish terhadap bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji telah memberikan beberapa soalan ringkas yang selau digunakan oleh pelajar. Kaedahnya adalah dengan menterjemah perkataan Bahasa Inggeris yang selalu digunakan ke bahasa Melayu. Oleh itu, apabila responden tidak dapat menterjemah sesuatu perkataan bahasa Inggeris ke bahasa Melayu, responden mula menyedari tentang kesan buruk Manglish terhadap bahasa Melayu.

Maklum balas yang telah pengkaji terima daripada responden ialah ramai daripada mereka telah bersetuju bahawa Manglish akan mencemarkan bahasa Melayu. Mereka berpendapat bahawa apabila penutur yang menggunakan Manglish ingin menukar ke bahasa baku dalam situasi rasmi, mereka menjadi agak janggal dan sukar bagi mereka untuk petah bercakap dalam bahasa baku. Selain itu, sesetengah responden menyatakan bahawa mereka lupa dan tidak tahu tentang istilah dalam bahasa Melayu kerana kerap menggunakan Manglish dalam perbualan harian.

Responden juga bersetuju dengan cadangan pengkaji untuk memartabatkan bahasa Melayu agar kekal keaslian bahasa Melayu. Terdapat seorang responden menyatakan bahawa beliau lebih mahir berbahasa Inggeris berbanding dengan bahasa ibundanya sendiri. Beliau menjadi agak malu kerana terlupa istilah-istilah di dalam bahasa Melayu sehinggakan

terpaksa menggantikan perkataan bahasa Melayu ke bahasa Inggeris dan bersetuju bahawasanya poster Infografik ini dapat menyedarkannya tentang kepentingan bahasa Melayu.

6.0 Refleksi

Berdasarkan pengalaman yang pengkaji telah pelajari ialah kebanyakan daripada pelajar kaum Melayu dari Fakulti Bahasa dan Linguistik menggunakan Manglish dalam perbualan harian. Hal ini kerana Manglish seolah-olah telah menjadi bahasa yang tetap untuk bertutur disebabkan oleh kebiasaan penggunaannya dalam perbualan. Projek ini telah membuktikan bahawa penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar semakin luntur kerana setelah diberi beberapa soalan untuk dijawab, responden teragak-agak untuk menjawab malah sesetengah daripada mereka tidak tahu langsung maksud dalam Bahasa Melayu.

Usaha pengkaji dalam projek ini tidak berjalan seperti yang dirancang pada awalnya kerana hanya ingin memfokuskan kepada pelajar kaum Melayu daripada Jabatan Bahasa Inggeris sahaja, lalu apabila dipertimbangkan semula bukan pelajar daripada Jabatan Bahasa Inggeris sahaja yang menggunakan Manglish malah hampir kesemua daripada pelajar Fakulti Bahasa dan Linguistik menggunakannya sebagai bahasa pengantar. Selain itu, pengkaji menukar cara untuk mengatasi masalah ini melalui video akan tetapi pengkaji menukar dengan menyebarkan poster Infografik kepada masyarakat.

Jika diberi peluang untuk menjalankan aktiviti SULAM untuk kali kedua, pengkaji telah berbincang untuk melakukan pemerhatian terhadap kepentingan bahasa isyarat kepada masyarakat. Hal ini kerana tidak ramai yang mengambil cakna tentang bahasa isyarat kerana tiada kepentingan untuk mereka belajar walhal bahasa isyarat juga merupakan bentuk komunikasi bagi Orang Kurang Upaya (OKU). Bahasa isyarat penting kepada masyarakat supaya boleh berinteraksi dengan OKU ketika berurusan untuk perniagaan. Berkemungkinan mereka perlu meminta bantuan akan tetapi sekiranya masyarakat tidak mengambil berat tentang bahasa isyarat ini, sudah tentu sukar bagi mereka untuk menolong OKU.

7.0 Kesimpulan

Akhir kata bagi projek ini, percampuran kod dalam bahasa iaitu bahasa Manglish amat ketara digunakan oleh pelajar kaum melayu di Fakulti Bahasa dan Linguistik. Melalui hasil kajian yang dilakukan, kesemua responden boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Oleh itu, mereka cenderung melakukan percampuran dua bahasa tersebut ketika berkomunikasi.

Percampuran kod dalam bahasa yang digunakan ini menunjukkan ketidakpercayaan pelajar terhadap penggunaan bahasa Melayu. Oleh hal demikian, usaha untuk

memartabatkan bahasa Melayu memerlukan komitmen terhadap diri sendiri untuk menggunakannya. Masyarakat sasaran bagi projek ini juga turut bersetuju bahawa Manglish memberi kesan buruk terhadap bahasa Melayu dan menyatakan bahawa bahasa Melayu harus dimartabatkan agar kedudukannya menjadi lebih kukuh. Pengkaji turut menyebarkan poster infografik sebagai bahan bacaan untuk memberikan kesedaran tentang pentingnya bahasa Melayu kepada masyarakat sasaran.

Antara beberapa cadangan baik pulih yang kami kenal pasti boleh dilakukan pada masa hadapan apabila melaksanakan projek seperti ini adalah dengan menyediakan pelan yang rapi dan juga pelan sandaran. Hal ini bagi mengelakkan sebarang halangan dan untuk memastikan projek dapat dijalankan dengan jayanya.

Senarai nama kumpulan dan sumbangan dalam kajian:

Ahli Kumpulan	Sumbangan
Syafiqah Binti Mohd Yusof (U2103705)	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Sulam • Pembentangan Sulam • Borang CITRA
Nabihah Binti Badlisam (U2103709)	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Sulam • Pembentangan Sulam • Borang CITRA
Muhammad Nur Aidil Adha Bin Mahad (U2103729)	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Sulam • Pembentangan Sulam • Borang CITRA
Nur Amir Bin Azman (U2103862)	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Sulam • Pembentangan Sulam • Borang CITRA
Siti Nursyaqira Binti Mohd Hasrul Nizam (U2103863)	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Sulam • Pembentangan Sulam • Borang CITRA

8.0 Rujukan

Asmah Hj Omar. (2007). *Taksonomi Pertemuan Bahasa di Manakah Letaknya Bahasa Rojak?*. Kertas kerja dalam Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruhan Penggunaan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 18-19 Julai 2007.

Fishman, J.A. (1991). *Sosiologi bahasa*. (terj.). Alias Mohammad Yatim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Paramasivam, M. (2005). *Codeswitching among University Putra Malaysia Tamil Students: A Sociolinguistic Perspective*. Tesis Ph.D. University Malaya.



UNIVERSITI MALAYA



CREATIVE GROUP 4

Bagaimanakah cara memartabatkan Bahasa Melayu?



Karya Seni

Menulis buku atau sajak merupakan salah satu karya seni yang dapat meningkatkan mutu bahasa Melayu. Selain itu, cara yang paling efektif ialah menonton filem yang menitikberatkan bahasa Melayu dalam karyanya seperti filem P.Ramlee atau Mat Kilau.



Identiti

Penetapan identiti Bahasa Melayu dapat membantu masyarakat dalam mengingati sejarah terdahulu. Para pejuang Melayu telah bersusah payah untuk memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan memartabatkan bahasa Melayu untuk menunjukkan identiti kita.



Aktiviti Bahasa

Karnival Bahasa mampu menarik minat masyarakat untuk menyertai pertandingan seperti menterjemah. Pertandingan seperti menterjemah dapat mengukur tahap seseorang tentang kecekapan penggunaan dan kefahaman bahasa Melayu.



Keberkesanan Komunikasi

Kekerapan penggunaan Manglish menyebabkan kesukaran untuk menukar dari Manglish ke bahasa baku. Ianya akan mengakibatkan kekeliruan dari segi penggunaan dan susunan ayat. Kadang-kadang dalam situasi formal masyarakat masih menggunakan Manglish seperti pembentangan di dalam kelas.

Apakah Kesan Manglish terhadap Bahasa Melayu?



Kedudukan Bahasa

Percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Inggeris boleh menjejaskan kedudukan bahasa Melayu. Terdapat masyarakat Melayu sendiri yang lebih mahir menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Ibunda mereka sendiri kerana kerap menggunakan Manglish.



Istilah

Apabila istilah bahasa Inggeris digunakan dengan kerap, masyarakat boleh terlupa istilah-istilah sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu. Adakah anda tahu maksud **talk show** atau **screenshot** dalam bahasa Melayu?

Link Google Form